

'Malaysia perlu proaktif desak gencatan senjata'

Muhyiddin tegaskan serangan Zionis bukan untuk perangi Hamas, tetapi membunuh warga Gaza

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia PBB (UNHRC) dan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) perlu proaktif bagi mendesak resolusi segera mengutuk serta merangka tindakan menghentikan kekejaman Israel.

Bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata siri serangan ganas rejim Israel terhadap Semenanjung Gaza sudah melanggari undang-undang antarabangsa seperti Konvensyen Geneva serta mencabuli hak asasi manusia.

Katanya, apa yang dilakukan tentera Israel bukan peperangan

terhadap Hamas, tetapi suatu pembunuhan secara sengaja kepada rakyat Palestin.

"Niat, percakapan dan perbuatan semua pemimpin utama mereka secara langsung menunjukkan perkara berkenaan dan ini jelas adalah satu jenayah perang.

"Hipokrasi negara Barat yang menjadi sekutu kuat Israel juga membenarkan pembunuhan beramai-ramai ini berlaku. Majlis Keselamatan PBB menyaksikan usul gencatan senjata yang dibawa ditolak Amerika Syarikat dengan menggunakan kuasa veto.

"Israel menjadi angkuh kerana mereka tahu kuasa besar Barat seperti Amerika Syarikat (AS), Britain dan Perancis sentiasa menjadi perisai politik buat Israel di pentas antarabangsa," katanya dalam kenyataan.

Muhyiddin yang juga Presiden BERSATU menegaskan, pihaknya mengutuk sekeras-kerasnya tindakan zalim rejim Israel dan meminta masyarakat antara-

bangsa mendesak agar sekatan menyeluruh kemanusiaan ke atas Gaza oleh Israel ditarik balik.

Tamatkan sistem apartheid

Beliau berkata, badan dunia seperti Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) perlu menunaikan tanggungjawab menerajui usaha menamatkan sistem apartheid Israel di bumi Gaza.

"Rakyat Palestin amat memerlukan sokongan masyarakat antarabangsa untuk menghentikan segera pencabulan undang-undang antarabangsa dan memastikan hak dan keselamatan mereka dilindungi.

"Malaysia mesti mengembeleng segala kudrat diplomatik bukan saja melalui PBB, tetapi juga melalui badan multilateral seperti Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan BRICS untuk mendesak gencatan senjata dipersetujui AS supaya tekanan pelbagai peringkat ini mampu menghalang pembantahan yang Israel sedang lakukan

tanpa henti.

"Komitmen Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin adalah tonggak dasar luar negara kita selama ini. Namun, keengganan Perdana Menteri untuk menggerakkan usaha diplomatik pada peringkat antarabangsa untuk menghentikan pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin bukan sahaja amat mendukacitakan, malah memalukan," katanya.

Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh berkata, kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa beliau diugut negara kuasa besar juga menunjukkan sikap pengecutnya.

"Entah benar atau tidak wujud ugutan juga tidak dapat dipastikan kesahihannya. Sehingga kini beliau gagal mendedahkan negara mana yang membuat ugutan itu.

"Jika benar wujud ugutan, Perdana Menteri mesti mendedahkan negara mana yang membuat ugutan itu dan Wisma Putra hendaklah membuat bantahan sekeras-kerasnya menerusi kedutaan negara tersebut. Ini maruah negara kita yang mesti dipertahankan," katanya.



Muhyiddin Yassin